

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH**

PRESIDEN ANGKASA

**MAJLIS IFTAR RAMADAN 1447H
ANJURAN ANGKASA WILAYAH
PERSEKUTUAN DENGAN KERJASAMA
KOPERASI MASJID AL-MUTTAQIN BERHAD**

**6 MAC 2026 (JUMAAT)
5.30 PETANG**

MASJID AL-MUTTAQIN, KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Malaysia Madani
dan Salam Koperasi.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang yang penuh keberkatan ini dalam **Majlis Iftar Ramadan 1447H** anjuran ANGKASA Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Koperasi Masjid Al-Muttaqin Berhad.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur serta semua pihak yang telah bertungkus lumus menjayakan program yang penuh makna ini. Sesungguhnya usaha seperti ini mencerminkan semangat kebersamaan, keprihatinan dan nilai-nilai murni yang sangat dituntut dalam Islam.

Hadirin dan hadirat yang saya kasihi

3. Bulan Ramadan adalah bulan yang amat istimewa bagi umat Islam. Ia bukan sahaja bulan untuk kita menahan lapar dan dahaga, tetapi juga bulan untuk kita memperbanyakkan amal ibadah, mengeratkan silaturahmi serta meningkatkan rasa empati terhadap mereka yang kurang bernasib baik.
4. Pada majlis yang penuh barakah ini, ANGKASA berbesar hati untuk menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada **58 orang penerima asnaf**. Saya berharap sumbangan ini dapat membantu meringankan beban serta membawa kegembiraan kepada para penerima dalam menjalani ibadah di bulan Ramadan dan membuat persiapan menjelang Syawal nanti.

5. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada koperasi-koperasi yang telah menyalurkan Sumbangan Zakat Wakalah pada majlis pada hari ini. Antaranya ialah Koperasi Putri Terbilang Malaysia Berhad (KOPUTRI) yang menyumbang sebanyak RM3,000, Koperasi Ukhwah Malaysia Berhad sebanyak RM1,000 serta Koperasi Bersatu Tenaga Malaysia Berhad (KOBETA) sebanyak RM1,000. Sumbangan ini membuktikan bahawa konsep zakat wakalah bukan sahaja memenuhi tuntutan syariah, malah memperkukuh peranan koperasi dalam membantu golongan asnaf secara langsung dan berkesan.

6. Selain itu, saya turut menghargai sumbangan daripada koperasi-koperasi lain yang bersama-sama menyumbangkan iaitu Koperasi Pos Nasional Berhad (KOPONAS)

sebanyak RM500 serta Koperasi Tahfiz Ceria Kuala Lumpur Berhad sebanyak RM300. Walaupun jumlahnya mungkin berbeza, namun nilai keikhlasan dan semangat solidariti yang dizahirkan amat besar maknanya.

7. Sesungguhnya, inilah antara peranan penting institusi koperasi dan organisasi masyarakat bukan sahaja dalam memperkukuh ekonomi, tetapi juga menyemai nilai kemanusiaan, kebersamaan dan tanggungjawab sosial dalam komuniti.

8. Saya amat menghargai komitmen ANGKASA Wilayah Persekutuan dan Koperasi Masjid Al-Muttaqin Berhad serta rakan koperasi yang sentiasa aktif melaksanakan program kebajikan seperti ini. Usaha sebegini wajar diteruskan kerana ia bukan sahaja memberi manfaat

kepada penerima, malah mengeratkan hubungan dalam kalangan masyarakat setempat.

Hadirin dan hadirat yang saya kasihi

9. Koperasi Kariah Masjid memainkan peranan yang amat strategik dalam memperkasa ekonomi umat di peringkat akar umbi. Penubuhan koperasi di institusi masjid bukan sahaja memberi peluang kepada ahli kariah menjana pendapatan secara bersama, malah mewujudkan ekosistem ekonomi yang berteraskan nilai Islam seperti keadilan, amanah dan keberkatan dalam muamalat.

10. Melalui koperasi kariah masjid, pelbagai aktiviti ekonomi boleh dilaksanakan seperti perniagaan runcit, perkhidmatan katering,

pengurusan kebajikan, kelas pendidikan serta penyediaan perkhidmatan yang memenuhi keperluan komuniti setempat. Secara tidak langsung, ia membuka ruang kepada anak-anak kariah, golongan belia dan suri rumah untuk turut serta dalam aktiviti ekonomi yang tersusun dan berdaya maju.

11. Sehingga Jun 2025, mengikut perangkaan dikeluarkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, terdapat 588 koperasi kariah masjid di seluruh negara, dengan keanggotaan seramai 48,578 individu, syer/yuran sebanyak RM16.67 juta, aset sebanyak RM41.78 juta dan perolehan sebanyak RM17.47 juta

12. Saya melihat Koperasi Masjid Al-Muttaqin Berhad sebagai contoh yang baik dalam menggerakkan peranan ini. Apabila masjid dan

koperasi berganding bahu, kita bukan sahaja memakmurkan rumah Allah dari sudut rohani, tetapi juga menghidupkan fungsi masjid sebagai pusat pembangunan sosial dan ekonomi umat sebagaimana yang ditunjukkan pada zaman Rasulullah SAW.

13. Saya berharap agar lebih banyak masjid di Wilayah Persekutuan dan seluruh negara mencontohi inisiatif ini dengan menubuhkan dan mengaktifkan koperasi kariah masing-masing. ANGKASA sentiasa bersedia untuk memberi bimbingan, latihan dan sokongan agar koperasi masjid terus berkembang dan memberi manfaat berpanjangan kepada komuniti.

Hadirin dan hadirat yang saya kasihi

14. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengajak

semua pihak agar terus menjadikan Ramadan sebagai medan untuk memperbaiki diri, memperkukuh perpaduan serta memperbanyakkan amalan yang membawa keberkatan dalam kehidupan kita.

15. Semoga segala usaha, sumbangan dan keikhlasan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini mendapat ganjaran yang besar daripada Allah SWT.

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang hadir dan menjayakan majlis pada hari ini. Mudah-mudahan majlis ini membawa keberkatan kepada kita semua.

17. Dengan lafaz
Bismillahirrahmanirrahim, saya
dengan sukacitanya merasmikan
Majlis Iftar Ramadan 1447H anjuran
ANGKASA Wilayah Persekutuan
dengan kerjasama Koperasi Masjid
Al-Muttaqin Berhad pada hari ini.

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.